




Berani Ambil Risiko

UNTUK berjaya kita mestilah berani mengambil risiko atau peluang. Namun demikian, sekiranya peluang untuk berjaya hanya 0.01 peratus, beranikah anda untuk mengambil risiko itu? "Jika hal itu berlaku, saya pasti tidak menolak untuk mengambil peluang tersebut kerana 0.01 peratus itu bukanlah tanda kegagalan, sebaliknya tanda bahawa masih ada harapan untuk memperoleh kejayaan." Itulah jawapan yang diberikan oleh seorang anak muda yang berjaya dalam bidang yang diceburinya. Beliau sentiasa berfikir positif dan berusaha menterjemahkan bakat luar biasanya kepada sebuah perniagaan yang menjadi sumber pendapatan kepada diri dan keluarganya.

Dhiyaul Mohamad Ashraf, 26 tahun, merupakan seorang daripada beribu anak muda yang nekad menceburkan diri dalam dunia keusahawanan. Percaya dengan sabda Rasulullah SAW yang menyatakan, "9/10 rezeki datangnya daripada peniagaan", Dhiyaul tanpa menoleh ke



belakang terus mengorak langkah mengejar cita-cita untuk berjaya dalam bidang yang diterokanya.

"Saya memulakan operasi perniagaan saya secara sampingan sebagai pelukis mural yang pada ketika itu masih menuntut di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dalam bidang Grafik dan Multimedia sejak tahun 2013 dengan hanya menggunakan instagram @yaulacap sebagai medium untuk berniaga," terang Dhiyaul yang pernah bekerja sebagai editor video di Kumpulan Media Karangkraf.

Menurut Dhiyaul lagi, pada tahun 2014 pula, beliau mula menceburkan diri dalam bidang *chalkboard photobooth* secara kecil-kecilan. Setelah mendapat permintaan yang cukup menggalakkan, Dhiyaul mula mendaftarkan syarikatnya pada tahun 2015 atas nama Yaulacap Enterprise. Perkembangan perniagaan yang dijalankan bukan sahaja berada pada tahap yang memberangsangkan, malah beliau tidak menyangka tangan untuk mengelola permintaan orang ramai dengan sentuhan magisnya.

Menjelang tahun 2017, Dhiyaul mula menubuhkan Chalkart.my sebagai jenama perniagaannya dan mula mengambil pekerja sambilan bagi meluaskan skop perniagaan Yaulacap Enterprise. Ditanya tentang skop perniagaan yang dijalankan, Dhiyaul menyatakan bahawa untuk *chalkboard photobooth*, perniagaannya menawarkan khidmat untuk program seperti majlis perkahwinan, parti hari lahir, majlis makan malam, akikah dan majlis anugerah. Bagi lukisan mural



pula, menurut beliau di mana-mana sahaja ada permintaan, di situlah Dhiyaul akan mencorakkan kreativiti.

Yang paling membanggakan anak muda ini bagi menjalankan perniagaan yang pada mulanya hanya sekadar suka-suka ini ialah lebih daripada 400 tempahan *chalkboard photobooth* dan lebih kurang 100 tempahan lukisan murah telah diterimanya sejak tahun 2014 hingga kini.

"Untuk *chalkboard*, antara yang pernah menjadi pelanggan kami termasuklah Dato' Siti Nurhaliza, Fattah Amin, Alif Aziz, Fatiya Latif, Asyraf Muslim, DJ Nas T dan Atita Haris. Sementara itu, untuk program korporat pelanggannya termasuklah CIMB, RHB, Lazada, MBSB, TT Steel Processing, Cocoland dan Allianz.

Tambah Dhiyaul, kebanyakan tempahan diperoleh daripada perancang program dan perancang perkahwinan seperti White District KL, Chenta Concepts, eventsbyazzwaa, ainacoparty, Helium & Konfetti, 3plexid dan kotaklensa. Bagi perkhidmatan lukisan mural pula, kebanyakan ditempah melalui kafe, butik, kedai haiwan, sekolah, tadika, hotel, hospital dan rumah persendirian. Antaranya termasuklah Suka Sucre Bistro by Dato Fazley Yaakob, Grand Moments Sunway Hotel, Need a Cut Barber, Symphony by Chef Jo, ROA & Bakso Monster by Jovian Mandagie, Sincerely by Us Boutique dan The Morning After.

Bagi Dhiyaul, untuk berjaya sehingga tahap ini semestinya pengorbanan merupakan perkara yang harus dilakukannya. Mahu tidak mahu, beliau perlu



berkorban untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Pengorbanan yang dilalui oleh Dhiyaul untuk dicapai hingga tahap ini bukanlah usaha mudah. Walaupun sudah mempunyai gaji yang lumayan dan bekerja tetap, niat asal "hanya suka-suka" untuk sekadar menambah duit poket menjadi bidang perniagaan yang merobah kehidupannya pada hari ini.

"Seseorang yang bergelar usahawan perlu mengambil risiko, tiada apa-apa yang perlu disesalkan kerana kita perlu yakin dan percaya bahawa rezeki ada di mana-mana dan segala yang ada di dunia ini ialah milik Allah SWT," tegas Dhiyaul.

Risiko awal yang perlu ditempuhinya ialah apabila mahu berhenti kerja. Selepas itu, Dhiyaul menghadapi cabaran yang lebih getir kerana kurang pengalaman untuk menjalankan perniagaan. Ujar Dhiyaul, kekurangan ilmu dalam bidang seni pada awalnya cukup merumitkannya. Oleh hal yang demikian, dengan kecanggihan teknologi sekarang, beliau belajar melalui Internet dan menjalankan penyelidikan sendiri serta bertanya kepada mereka yang mahir dalam bidang seni ini lantas menjadikannya lebih matang untuk menghasilkan karya dan mengurus perniagaan dengan lebih profesional.

Pengorbanan yang dilalui oleh Dhiyaul untuk dicapai hingga tahap ini bukanlah usaha mudah.



"Keterbukaan diri saya untuk belajar dan diajar oleh sesiapa sahaja membuatkan saya lebih cepat mahir dalam dunia perniagaan yang diceburi. Saya berasakan itulah rahsia saya untuk berjaya sehingga tahap ini," jelas Dhiyaul.

Seperti lazimnya, kejayaan seseorang itu pasti ada individu yang menjadi pendorong di belakangnya. Begitu juga dengan Dhiyaul. Orang yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan untuknya terus berjaya dalam bidang yang diminati tidak lain dan tidak bukan ialah isterinya.

"Mula-mula saya menyatakan hasrat untuk berhenti kerja dan menjadikan bidang ini sebagai kerjaya tetap, banyak pihak yang membangkang termasuklah adik-beradik saya dan kawan-kawan rapat," cerita Dhiyaul. Namun begitu, setelah berbulan-bulan Dhiyaul menjalankan perniagaan, kejayaannya mula membuka mata pelbagai pihak yang mengkritiknya sejak awal. Barulah mereka nampak dan mengakui peluang dan ruang yang cukup besar menanti Dhiyaul dalam bidang ini.

Para pelanggan yang kini lebih tertumpu pada perniagaan dalam talian lebih gemar mencari maklumat melalui Internet.

Menurut Dhiyaul, perniagaan seperti yang dijalankan cukup mudah dari segi operasinya. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau tidak memerlukan penyewaan kedai atau bangunan yang tetap kerana semuanya boleh dipasarkan melalui dalam talian. Para pelanggan yang kini lebih tertumpu pada perniagaan dalam talian lebih gemar mencari maklumat melalui Internet. Oleh hal yang demikian, segala produk dan perkhidmatannya dipromosikan melalui dalam talian.

"Setiap projek yang saya peroleh akan dikemas kini dalam laman sosial peribadi untuk tujuan berkongsi dengan pelanggan lain, di samping mempromosikan hasil karya saya supaya mereka dapat melihat perkhidmatan yang saya berikan," kata Dhiyaul.

Sebelum mengakhiri pertemuan, Dhiyaul sempat meninggalkan pesan kepada golongan muda yang ingin menjadikan bidang usahawan sebagai kerjaya. Jelasnya, setiap diri kita mempunyai impian dan cita-cita, oleh itu, kejarlah impian tersebut selagi ada masa dan jangan takut untuk jatuh. Untuk menjadikan kita lebih kuat, jangan lari daripada menghadapi cabaran dan dugaan, bahkan sentiasa berfikir terbuka dengan sesuatu yang baharu dan jangan mudah berputus asa.

"Apabila kita percaya akan rezeki kita serta berniaga dengan jujur dan ikhlas, selain menjaga silaturrahim, insya-Allah, apa-apa yang kita lakukan pasti akan dipermudah oleh Allah SWT dan jangan sesekali menyimpan perasaan hasad dengki," pesan Dhiyaul mengakhiri pertemuan. ●

